

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih "Purchase Price Gap Takaful". Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.

**TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD
(Ahli PIDM)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

PURCHASE PRICE GAP TAKAFUL

Tarikh:

1) Produk apakah ini?

Produk ini memberi perlindungan terhadap kenderaan anda apabila anda mengalami kerugian sepenuhnya ataupun diluar pemberaan ekonomi berpunca daripada kerosakan akibat kemalangan, kebakaran dan/atau kecurian. Sijil Takaful ini akan membayar perbezaan antara harga pembelian invois kenderaan dan jumlah tuntutan kerugian sepenuhnya yang dibayar oleh sijil takaful / polisi insurans komprehensif kenderaan anda.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh Peserta takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada semua peserta takaful atau kepada semua benefisiari yang dinamakan pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk menjalankan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota : Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Sekiranya kenderaan anda mengalami kerugian sepenuhnya berpunca daripada kemalangan, kebakaran dan/atau kecurian, produk ini akan membayar anda perbezaan jumlah antara:

- (a) harga pembelian invois kenderaan anda, dan
- (b) jumlah penyelesaian kerugian sepenuhnya daripada Sijil motor komprehensif anda.

4) Berapakah jumlah Sumbangan yang perlu dibayar?

Sumbangan Takaful yang dibayar bergantung kepada tahun perlindungan, umur kenderaan, buatan kenderaan dan harga pembelian invois. Tahun perlindungan bergantung kepada jenis perlindungan sijil takaful / polisi insurans komprehensif kenderaan anda seperti yang tertera di bawah:

Jenis Perlindungan		Tahun Perlindungan
1.	*Amaun Perlindungan ke atas nilai yang dipersetujui	i. 2 tahun ii. 3 tahun iii. 4 tahun iv. 5 tahun
2.	Amaun Perlindungan ke atas nilai pasaran	i. 1 tahun ii. 2 tahun iii. 3 tahun iv. 4 tahun v. 5 tahun

Nota : Perlindungan untuk Amaun Perlindungan Nilai yang dipersetujui hanya ditawarkan kepada kenderaan usia melebihi 1 tahun.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Yuran/Caj	Amaun
Yuran Wakalah	60% daripada sumbangan yang terdiri dari: <ul style="list-style-type: none"> • Komisen – sehingga maksimum 10% • Perbelanjaan lain – 50%
Duti Setem	RM10.00
Cukai yang digunakan	Kadar semasa yang dikenakan.
Yuran Pembatalan	RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon produk takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk produk ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga sijil anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Perubahan Risiko

- Jika pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, apa-apa penukaran berlaku dan mengubahkan secara material apa-apa fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh perubahan, dan hendaklah membayar sumbangan tambahan sedemikian sebagaimana diperlukan oleh syarikat.

Pembayaran Sebelum Berkuatkuasa

- Pembayaran sumbangan mesti dibuat sebelum Sijil ini berkuatkuasa.

Bayaran Sumbangan

- Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit/ i, Kad Kredit/ i atau Pembayaran Dalam Talian kepada pihak Syarikat. Sila simpan resit sumbangan yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan. Anda juga boleh memilih untuk menggunakan pembiayaan Bank untuk sumbangan perlindungan ini.

Sumbangan

- Kami hanya akan bertanggungjawab untuk bahagian kerugian kami yang berkadar jika anda mempunyai lebih daripada satu Sijil untuk melindungi kereta persendirian anda.

Insurans / Sijil Takaful Komprehensif Kereta Persendirian

- Anda perlu memegang Sijil Takaful komprehensif kereta persendirian yang sah semasa mengambil sijil PPG, dan memastikan amaun perlindungan didalam sijil / polisi komprehensif kenderaan persendirian anda tidak kurang daripada nilai pasaran yang ditentusahkan melalui sistem penilaian kenderaan bermotor yang diluluskan oleh industri. Pihak Syarikat sijil takaful / polisi insurans komprehensif kereta persendirian anda perlu menyelesaikan tuntutan manfaat kerugian sepenuhnya sebelum anda boleh membuat tututan didalam Sijil Takaful ini.

Amaun yang Boleh Dituntut

- Ini merujuk kepada amaun yang boleh dituntut di bawah sijil PPG, iaitu perbezaan di antara harga pembelian invois dan amaun kerugian sepenuhnya yang dibayar oleh polisi insurans / sijil takaful komprehensif kereta persendirian anda. Ia tertakluk kepada pelarasan untuk kekurangan amaun perlindungan dan juga dimana anda berbincang dan secara sukarela menerima tuntutan secara kerugian sepenuhnya yang rendah daripada amaun dipersetujui atau nilai pasaran kenderaan anda, amaun yang boleh dituntut ini akan menjadi amaun penyelesaian.

Lain Lain

- Penyertaan Purchase Price Gap mestilah tidak melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh di invoice pembelian.
- Purchase Price Gap tidak boleh diperbaharui ataupun dipindahmilik.
- Kereta baru atau terpakai anda haruslah tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh pembuatan kereta anda pada masa tarikh berkuat kuasa sijil ini.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.

Nota : *Senarai ini bukan senarai lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi terma dan syarat penuh di bawah Sijil Takaful ini.*

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil ini?

Sijil ini tidak meliputi kerugian yang dikecualikan secara khusus di bawah Sijil ini, contohnya, sebarang kemalangan atau kejadian yang berlaku kepada jumlah kerugian sebelum tarikh permulaan Sijil ini atau anda atau pemandu yang anda beri kuasa berada di bawah pengaruh alkohol.

*Perlindungan untuk yang berikut boleh dilakukan berasingan melalui endorsmen yang ditawarkan

Nota: *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah sijil ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Anda boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberitahu Kami secara bertulis. Pemberitahuan tersebut akan berkuatkuasa mulai tarikh Kami menerima notis atau tarikh yang dinyatakan dalam notis Anda, mana yang kemudian. Kami akan membayar balik sumbangan dikira secara pro rata kepada Anda untuk Tempoh Takaful yang belum tamat, dengan syarat tidak ada tuntutan yang dibuat dibawah Sijil dan tertakluk kepada sumbangan minimum RM50.00.

Kami akan membayar balik sumbangan untuk kadar pro rata kepada anda atau di mana anda telah mengambil pinjaman untuk membiaya sumbangan Sijil ini, sumbangan kadar pro rata akan dibayar balik kepada pembiaya/bank anda.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Purchase Price Gap Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

Tiada produk seumpama.

Notis Perlindungan PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN KENDERaan ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA BERURUSAN DENGAN BENGKEL-BENGKEL YANG DILULUSKAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/09/2024